

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PERTAHANAN
KETIKA MENCADANGKAN ANGGARAN
PEMBANGUNAN SEMENTARA 1967**

Tuan Pengerusi,

Tuan saya mohon mencadangkan wang berjumlah sebanyak \$9,350,000 di bawah Kepala 116 *Malaysian Armed Forces* diluluskan.

Adapun peruntukan ini adalah diminta untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang dianggarkan dikehendaki oleh Angkatan Tentera kita dalam masa dua bulan yang pertama bagi 1967. Peruntukan ini adalah terbahagi kepada dua. Pertama ialah peruntukan yang dikehendaki untuk perbelanjaan bagi kerja-kerja pembinaan dan kedua ialah untuk perbelanjaan bagi alatan-alatan tentera. Peruntukan sementara yang dikehendaki untuk keperluan kerja-kerja pembinaan angkatan tentera kita ialah \$1,350,000 dan peruntukan yang dikehendaki untuk membayar alatan-alatan tentera ialah \$8,000,000.

Tuan, wang yang berjumlah \$1,350,000 yang dikehendaki untuk kerja-kerja Pembinaan Angkatan Tentera kita itu ialah merupakan sebahagian dari bayaran-bayaran lanjutan kepada projek-projek Pembinaan Angkatan Tentera yang sedang diselenggarakan pada masa ini. Ini termasuklah bayaran-bayaran lanjutan bagi kerja-kerja pembinaan seperti bangunan-bangunan pejabat, markas dan tempat kediaman pasukan tentera.

Di bawah keperluan alatan-alatan tentera pula, sebanyak \$7,000,000 adalah diperuntukkan untuk membayar sebahagian dari harga-harga kapal ronda laju dan kapal friget yang dipesan untuk Tentera Laut Diraja kita dan sebanyak \$1,000,000 lagi untuk membayar sebahagian dari harga kapal terbang-kapal terbang yang telah dipesan untuk Tentera Udara Diraja.

Tuan, Pengerusi, saya pohon mencadangkan.